



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ST. XAVIER
LEBUH FARQUHAR, 10200 PULAU PINANG
Tel: 04 – 2610411 Fax: 04 – 2616730

“PENDIDIKAN PULAU PINANG DI PERSADA ANTARABANGSA”

Rujukan kami: SXI/600-2/9/3/2019(001)
Tarikh: 7 JANUARI 2019

Kepada Ibu bapa/Penjaga/Waris murid Tingkatan 1 -5
SMK St Xavier, Pulau Pinang



Tuan/Puan

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH(PBD)TAHUN 2019

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa semua murid diwajibkan melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah(PBD) dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima.

2. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah akan menjalankan pentaksiran berasaskan sekolah untuk semua mata pelajaran di bawah mengikut format yang dikehendaki oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia sama ada pentaksiran sekolah(sepanjang tahun akademik) ataupun pentaksiran pusat(jangka pendek /panjang di mana jangka masa pentaksiran ditentukan oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia.

3. Pentaksiran Bilik Darjah ini akan dijalankan sewaktu pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di dalam bilik darjah semasa waktu persekolahan oleh guru-guru mata pelajaran yang berkenaan. Kehadiran murid ke sekolah adalah salah satu penentu prestasi murid khususnya pada peringkat sekolah mahupun peringkat pusat(PT3 dan SPM)

4. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah ingin memohon kerjasama pihak tuan/puan untuk memastikan anak jagaan tuan/puan dapat menyiapkan tugas-tugas PBD sama ada pada peringkat sekolah ataupun pada peringkat pusat mengikut mata pelajaran berikut:

Bil	Mata pelajaran	Tingkatan	Bentuk Pentaksiran
1.	Bahasa Melayu	1-5	Ujian Bertutur/Ujian Mendengar/ULBS
2.	Bahasa Inggeris	1-5	Ujian Bertutur/Ujian Mendengar/ULBS
3.	Sains	1-3	Pentaksiran Kemahiran Sainifik(PKS)
4.	Sains	4-5	PEKA Sains
5.	Pendidikan Islam	1-5	1. Ujian Tilawah & Hafazan 2. Pemerhatian Adab & Akhlak Islamiah 3. Penilaian Asas Fardu Ain(PAFA)
6.	Geografi	1-3	Kerja Kursus
7.	Sejarah	1-3	Kerja Kursus
8.	Biologi/Fizik/Kimia	4-5	Pentaksiran Kemahiran Sainifik(PKS)
9.	Matematik Tambahan	5	Kerja Kursus
10.	Prinsip Perakaunan	5	Kerja Kursus
11.	Pengurusan Perniagaan	5	Kerja Kursus
12.	Pendidikan Seni Visual	5	Kerja Kursus
13.	Pendidikan Moral	4-5	Kerja Kursus
14.	Semua mata pelajaran	1-3	PBD

5. Segala kerjasama pihak tuan/puan adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENDIDIKAN PULAU PINANG DI PERSADA ANTARABANGSA”

Saya yang menjalankan amanah,



SIM HOCK KEAT
Pengetua
SMK St. Xavier
Pulau Pinang

(DR SIM HOCK KEAT)
PENGETUA
SMK ST XAVIER, PULAU PINANG

Tarikh: 7 Januari 2019